

Gotong-royong bersama komuniti lestarikan Jasin

JASIN - Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) mempergiat aktiviti lapangan melalui Program Gotong-Royong Mingguan MPJ Bersama Komuniti dijadualkan mengikut keperluan dan permohonan kawasan.

Yang Dipertua MPJ Muhammad Zahiruddin Mohd Zahari berkata, pene-



tapan lokasi gotong-royong berdasarkan permohonan

dikemukakan komuniti melalui ahli majlis kawasan masing-masing sebelum dinilai dan dijadualkan mengikut keutamaan.

Menurutnya, penglibatan masyarakat setempat dalam program itu adalah positif, namun masih boleh dipertingkatkan dengan penyertaan lebih ramai pendu-

duk serta wakil badan bukan kerajaan (NGO).

"MPJ turut menyediakan sokongan logistik seperti peralatan, jentera dan kakitangan bagi membantu operasi di lapangan.

"Sejak program mingguan ini dilaksanakan kita melihat impak ketara terutama dalam penyelesaian

aduan kacau ganggu, kebersihan serta lokasi berisiko pembiakan Aedes dan wabak denggi yang dipantau Pejabat Kesihatan Daerah," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Beliau berkata, MPJ turut merancang beberapa penambahbaikan bagi tahun 2026 termasuk mewujudkan jadual gotong-royong lebih

tersusun serta menambah baik keupayaan logistik dan peralatan bagi memastikan keberkesanan penganjuran.

"Fokus utama program ini adalah kawasan berisiko seperti lokasi potensi pokok tumbang, kawasan wabak denggi serta kawasan yang boleh menjejaskan keselamatan komuniti," katanya.



MPJ menyediakan sokongan logistik, peralatan, jentera dan kakitangan bagi membantu gotong-royong bersama komuniti. Foto MPJ



GOTONG-ROYONG mingguan MPJ turut melibatkan masyarakat setempat. Foto MPJ